

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 26.01.2026 MASA: 5.00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM "MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI – PEROLEHAN TANPA
RASUAH: ISU YANG SERING TERLEPAS PANDANG
OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN"**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**28 JANUARI 2026 (RABU)
8.40 PAGI**

**AUDITORIUM
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datuk TPj Karunanithy A/L Y. Subbiah
Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Pulau
Pinang

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Siti Haslinda Binti Hasan
Pengarah Sumber Manusia Merangkap Penyelaras Program Ini

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Program “Majlis Bandaraya Seberang Perai – Perolehan Tanpa Rasuah: Isu Yang Sering Terlepas Pandang Oleh Pihak Berkuasa Tempatan.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **YBhg. Datuk Timbalan Pesuruhjaya (TPj) Karunanithy A/L Y. Subbiah, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang**, serta seluruh pasukan SPRM atas kesudian menjalin kolaborasi strategik bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan program yang amat signifikan ini.
3. Tidak dilupakan, ucapan penghargaan kepada Tuan Setiausaha Bandaraya serta seluruh warga kerja MBSP yang hadir pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan komitmen yang tinggi untuk memperkukuh kefahaman, kesedaran dan

kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah sebagai penjawat awam.

Hadirin yang saya hormati,

4. Izinkan saya memulakan ucapan ini dengan satu persoalan yang ringkas tetapi besar maknanya: *apakah yang membezakan sebuah bandar raya yang maju dengan sebuah bandar raya yang benar-benar bermaruah?* Jawapannya bukan semata-mata terletak pada bangunan yang tinggi atau projek yang bernilai jutaan ringgit, sebaliknya pada **integriti sistem pentadbiran dan tadbir urusnya.**
5. Perolehan awam merupakan antara fungsi paling kritikal dalam sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Setiap projek pembangunan, penyelenggaraan infrastruktur, perkhidmatan bandar, pembekalan dan kerja-kerja teknikal; semuanya bermula daripada proses perolehan. Di sinilah amanah yang besar dipikul dan di sinilah juga integriti kita benar-benar diuji.
6. Namun realitinya, isu rasuah dan salah guna kuasa dalam perolehan jarang berlaku secara terang-terangan. Ia sering hadir dalam bentuk yang lebih halus dan terselindung seperti konflik kepentingan yang tidak diisytiharkan, campur tangan tidak rasmi, kebocoran maklumat tender, spesifikasi yang sengaja dihadkan, atau kelulusan yang dibuat tanpa penelitian sewajarnya.

7. Inilah yang kita maksudkan sebagai **“isu yang sering terlepas pandang”**; perkara yang kelihatan kecil dan dianggap remeh, tetapi jika dibiarkan, mampu merosakkan integriti sistem secara keseluruhan dan menghakis kepercayaan rakyat terhadap institusi awam.
8. Sebagai sebuah PBT yang mentadbir kawasan yang pesat membangun, MBSP menguruskan nilai perolehan yang besar setiap tahun. Setiap ringgit yang dibelanjakan adalah **wang awam, wang rakyat**, dan justeru itu kita bukan sahaja bertanggungjawab dari sudut kecekapan, malah dari sudut ketelusan, akauntabiliti dan integriti.
9. Saya ingin menegaskan dengan jelas bahawa **tiada kompromi terhadap sebarang bentuk rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa dalam MBSP**. Budaya kerja berintegriti bukan hanya tanggungjawab Unit Integriti atau pihak pengurusan semata-mata, tetapi merupakan tanggungjawab setiap pegawai tanpa mengira jawatan dan peranan.

Hadirin sekalian,

10. Kerjasama strategik antara MBSP dan SPRM amat penting dalam memastikan sistem perolehan kita sentiasa berada pada landasan yang betul. Pendekatan pencegahan melalui program seperti ini jauh lebih berkesan berbanding tindakan penguatkuasaan selepas sesuatu kes berlaku.

11. Melalui sesi perkongsian dan dialog pada hari ini, saya berharap warga MBSP akan lebih memahami modus operandi rasuah dalam perolehan, lebih peka terhadap *red flags* atau petanda awal penyelewengan, lebih berani menolak arahan yang meragukan, serta lebih bertanggungjawab untuk melaporkan salah laku melalui saluran yang betul.
12. Ingatlah bahawa **melaporkan rasuah bukanlah satu pengkhianatan kepada organisasi**, sebaliknya ia adalah manifestasi kesetiaan kepada amanah rakyat dan komitmen terhadap prinsip tadbir urus yang baik.
13. Saya juga menyeru agar kita semua membudayakan prinsip **“zero tolerance towards corruption”** dalam setiap urusan rasmi. Integriti bukan hanya diuji ketika kita berdepan jumlah wang yang besar, tetapi juga ketika berdepan perkara kecil seperti hadiah, layanan istimewa atau permintaan untuk “mempercepatkan proses”.
14. Perkara-perkara kecil inilah yang sering menjadi pintu masuk kepada rasuah sekiranya kita gagal menetapkan sempadan yang tegas. Sebagai penjawat awam, maruah kita bukan terletak pada jawatan yang disandang, tetapi pada **kejujuran kita ketika tiada siapa melihat**.
15. Saya berharap agar program ini bukan sekadar menjadi satu taklimat atau sesi dialog semata-mata, sebaliknya menjadi titik tolak kepada

pengukuhan sistem perolehan MBSP yang lebih telus, berintegriti dan bebas rasuah. Hasrat saya adalah untuk melihat MBSP muncul sebagai contoh teladan dalam tadbir urus perolehan di peringkat PBT.

16. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak SPRM atas kesudian berkongsi ilmu dan pengalaman pada hari ini.
17. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanirrahim***, saya dengan ini merasmikan Program “Majlis Bandaraya Seberang Perai – Perolehan Tanpa Rasuah: Isu Yang Sering Terlepas Pandang Oleh Pihak Berkuasa Tempatan.”

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.